

## IKLAN JAWATAN KOSONG UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH

Universiti Sultan Azlan Shah mempelawa calon-calon warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang berkeelayakan, dedikasi dan komited untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut;

BIL	JABATAN/FAKULTI	BIDANG
1.	Jabatan Bahasa Inggeris, Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sains Sosial</li> <li>• Sains Politik</li> </ul>

### JAWATAN

- i. Jawatan : Pensyarah, Gred DS45
- ii. Taraf Jawatan : Skim Perkhidmatan Kontrak Khas
- iii. Klasifikasi : Perkhidmatan Pendidikan
- iv. Kumpulan : Pengurusan Profesional
- v. Kadar Upah : RM2,800.00/sebulan
- vi. Jumlah Kekosongan : 2 orang

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - i. Warganegara Malaysia.
  - ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - iii. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.
- (b) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (c) Memperolehi PGNK sekurang-kurangnya 3.00 ke atas dan diberi keutamaan kepada calon yang memperolehi PNGK 3.50 ke atas.
- (d) Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan.
- (e) Ringkasan Tugas – bertanggungjawab dalam urusan mengajar dan pengajaran, menyelia dan memeriksa skrip peperiksaan dan melakukan tugas-tugas pentadbiran dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- (a) Calon-calun boleh mengemukakan permohonan dengan menulis surat permohonan kepada:

**Naib Canselor  
Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan  
33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am)**

**Tel: 05-7732253/250**

- (b) Pemohon hendaklah menghantar permohonan secara bertulis berserta '*curriculum vitae*' (c.v) yang lengkap berserta maklumat seperti berikut:

- i) Butiran peribadi.
- ii) Butiran untuk dihubungi.
- iii) Kelayakan akademik.
- iv) Pengalaman yang berkaitan.
- v) Senarai penerbitan dan penyelidikan.

- (c) Permohonan yang telah lengkap mestilah disertakan dengan gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) serta salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut :-

- i) Kad Pengenalan atau Pasport.
- ii) Sijil Kelahiran.
- iii) Sijil-sijil akademik yang berkenaan berserta transkrip.  
(SPM atau setaraf, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD)
- iv) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.

- (d) Tarikh tutup : **Permohonan terbuka mulai 04 September 2024 sehingga 18 September 2024 sebelum jam 4.30 petang.**

## **CATATAN TAMBAHAN**

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Sultan Azlan Shah.